

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan tindakan terhadap media antarabangsa
yang menyiarkan berita memburukkan nama dan menjatuhkan imej
Perdana Menteri Malaysia.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat YAB Perdana Menteri sentiasa mengikuti segala laporan media termasuk media online berkaitan Kerajaan terutama mengenai YAB Perdana Menteri. Ini bertujuan memastikan laporan media di era keterbukaan ini adalah tepat, betul dan adil agar tidak menimbulkan kebimbangan awam dan persepsi salah kepada Kerajaan dan YAB Perdana Menteri. Sebarang tindakan terhadap media antarabangsa yang memburukkan nama dan imej Perdana Menteri akan dibuat sekiranya timbul keperluan untuk berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.